

Kesediaan Dan Kefahaman Guru Maharat Al-Quran Terhadap Pembelajaran Abad ke-21 di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab (Tahfiz Model Ulul Albab Teachers' Readiness and Understanding in Implementing and Facilitating 21st Century Learning)

Rabi'atul Athirah binti Muhamad Isa

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Faizulamri bin Mohd Saad

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Sabri Mohamad

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Latifah Abdul Majid

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah

Kulliyah of Education, Universiti Islam Antrabangsa Malaysia

Abstrak

Pembelajaran Abad ke-21 bermaksud proses pendidikan yang menitikberatkan pelajar aktif dalam pembelajaran dan berpusatkan murid berdasarkan elemen-elemen yang telah digariskan. PAK-21 merupakan pendekatan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui pelaksanaan pengajaran berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kesediaan dan kefahaman guru tentang pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) membantu dalam menentukan strategi pengajaran berkesan dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka kesediaan dan kefahaman guru Maharat al-Quran khususnya berkenaan PAK-21. Kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan empat orang guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) yang mengajar Maharat al-Quran Tingkatan Empat dari sekolah yang berlainan. Temu bual separa struktur telah digunakan sepanjang proses pengumpulan data. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 8. Tema-tema telah dibentuk berdasarkan data-data yang telah dikumpulkan. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru bersedia dan memahami PAK-21 malah berjaya melaksanakan pengajaran Maharat al-Quran berasaskan elemen pembelajaran PAK-21 secara teratur. Justeru, penulisan artikel ini mencadangkan agar bimbingan dan panduan yang berterusan daripada pihak pentadbiran mahupun penggubal dasar bagi memperkasakan pengetahuan dan pengaplikasian guru Maharat al-Quran terhadap PAK-21.

Kata kunci: Kesediaan guru TMUA, Kefahaman, Bahan Bantu Mengajar, PAK-21, Maharat al-Quran

Abstract

The 21st Century Learning is an educational process that emphasizes active learning and is student-centered based on the elements that have been outlined. PAK-21 is an approach introduced by the Ministry of Education Malaysia (MOE) through the implementation of teaching based on the Primary School Standard Curriculum (KSSR) and the Secondary School Standard Curriculum (KSSM). Teachers' readiness and understanding of learning and facilitation (PdPc) helped to determining effective teaching strategies in the classroom. Therefore, this study was conducted to explore the readiness and understanding of Maharat al-Quran teachers, especially regarding the PAK-21. This study was qualitative in nature involving four TMUA teachers who teach Form Four Maharat al-Quran from different schools. Semi-structured interviews were used throughout the data collection process. The data obtained were analyzed using ATLAS.ti 8. Themes were formed based on the data that had been collected.

Article Progress
Received: 7 June 2021
Revised: 21 June 2021
Accepted: 5 July 2021

The findings of the study showed that the teachers were ready and understand PAK-21 and successfully implemented the teaching of Maharat al-Quran based on the PAK-21 learning elements in an orderly manner. Therefore, the writing of this article suggested a continuous guidance from the administration and policy makers to strengthen the knowledge and application of PAK-21 among Maharat al-Quran teachers.

Keywords: TMUA Teacher Readiness, Understanding, Teaching Aids, 21st Century Learning, Maharat al-Quran

1. PENGENALAN

Pembelajaran Abad ke-21 telah membawa banyak perubahan dalam bidang pendidikan. Murid-murid dilatih untuk memiliki kemahiran yang boleh digunakan pada masa akan datang yang melibatkan komunikasi, kolaborasi dan penyelesaian masalah berdasarkan realiti kehidupan sebenar. Pendidikan berkualiti juga harus diterjemahkan dengan melahirkan dan menyediakan guru yang kompeten dan bergerak seiring dengan perubahan corak pendidikan. Kecemerlangan pendidikan dalam pelbagai aspek menjadi matlamat utama dalam usaha melahirkan generasi masa hadapan yang mampu menangani cabaran Pembelajaran Abad ke-21 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM 2013).

Peranan guru dilihat sangat besar demi menggalas tanggungjawab sebagai perantara dalam memastikan murid mendapatkan ilmu dengan lebih baik. Seseorang guru hendaklah mempunyai tahap pengetahuan kandungan ilmu serta kemahiran yang tinggi serta bersedia menerima ilmu baru bagi menghadapi cabaran PAK-21.

Kelahiran penubuhan sekolah menengah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) sejak 2014 juga dilihat sebagai salah satu usaha KPM yang komited di dalam menyediakan pendidikan berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dunia dan akhirat bagi mempersiapkan generasi al-Quran yang mampu memenuhi keperluan negara satu ketika nanti. Oleh itu, persediaan guru-guru TMUA mendepani PAK-21 dilihat sangat penting supaya hasrat kerajaan ini dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab.

TMUA merupakan sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melahirkan golongan profesional dan cendekiawan agama yang menghafaz al-Quran (Azhar Ahmad, Hairul Hisham Adam, 2018). Pendekatan Model Ulul Albab telah memperkenalkan tiga elemen penting iaitu *quranik*, *ijtihadik* dan *ensiklopedik*. *Quranik* merujuk kepada kemampuan menghafaz 30 juzuk ayat suci al-Quran serta menjadikan al-Quran sebagai budaya hidup seharian. *Ensiklopedik* pula dilihat sebagai kebolehan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang ilmu dan bahasa. Manakala *Ijtihadik* adalah kemampuan dalam menyumbangkan idea, membuat penyelesaian masalah, menginovasi dan memaksimumkan hikmah akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T dengan sebaik mungkin (Rohaizan, Zulkifli dan Abdul Hakim, 2014)).

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuka laluan pendidikan tahfiz dengan melaksanakan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Malaysia yang terpilih. Kurikulum ini dibina berdasarkan kepada program tahfiz Ulul Albab yang diperkenalkan terlebih dahulu oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) kepada Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang terpilih. Kurikulum TMUA ini menawarkan dua mata pelajaran wajib kepada para pelajar iaitu mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran. Amalan-amalan Pdpc Maharat al-Quran telah dibincangkan (Mohd Faizulamri Saad et al., 2021) yang meliputi kaedah dan strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru TMUA. Elemen PAK-21 seperti Gallery Walk turut dalam kajian ini.

Kemenjadian pelajar dalam era globalisasi ini dilihat sebagai kayu ukur keberhasilan dalam sistem pendidikan. Justeru, guru berperanan penting dalam membentuk generasi abad ke-21 dengan menerapkan elemen-elemen insaniah yang tinggi melalui PAK-21 dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Guru-guru harus dilihat lebih bersedia untuk menerapkan strategi pengajaran PAK-21 merangkumi elemen “4C” iaitu komunikasi, kolaborasi, kreatif dan pemikiran kritis (Robiatul Adawiyah Jamali, Tengku Sarina Tengku Kasim, 2020). Persediaan dan penerimaan guru terhadap elemen “4C” ini, mampu melahirkan guru yang kompeten dan bersedia menghadapi cabaran pendidikan mendatang (Raja Abdullah, Daud Ismail, 2018).

2. PERNYATAAN MASALAH

Dapatan daripada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) mencadangkan supaya pemantauan terhadap pelaksanaan TMUA didokumenkan agar tindakan susulan mudah diambil oleh semua pihak. Oleh sebab itu, pengkaji melihat kepada satu keperluan untuk melihat sejauh manakah tahap kesediaan dan kefahaman guru TMUA terhadap PAK-21 terutamanya dalam subjek Maharat al-Quran. Apa yang lebih penting, bagaimanakah pengaplikasian guru TMUA menggunakan PAK-21 dalam subjek ini. Wan Ali Akbar et al., (2020) menyatakan tiada panduan khusus bagi subjek yang mempunyai disiplin ilmu yang sama seperti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Malah, panduan Dokumen Standard Kurikulum (DSK), sama ada mata pelajaran Hifz al-Quran mahu pun Maharat al- Quran lebih bersifat umum dan harus diterokai sendiri oleh para guru TMUA.

Kajian lepas yang melibatkan Alat Bantuan Mengajar (ABM) ketika mengajar al-Quran juga menunjukkan tentang penggunaan alat bantu yang sesuai mampu menghasilkan pembelajaran al-Quran yang lebih efektif dan mampu meningkatkan penguasaan pelajar terhadap al-Quran (Mohamad Marzuki et al., 2016, Muhd Zuhilmi et al., 2020). Dapatan kajian menunjukkan guru mempunyai reaksi positif terhadap kepentingan penggunaan ABM ini, namun tahap penggunaannya masih di tahap sederhana. Kajian lepas juga menunjukkan terdapat hubungan di antara corak pengajaran guru dan pembentukan pemikiran kritis pelajar (Rosnani, Suhailah & Juhasni, 2014). Dapatan kajian juga diperkukuhkan dengan pernyataan (Nursafra, Wan Ali & Isa, 2018) yang bersetuju dengan terhasilnya suasana pembelajaran aktif di dalam kelas berlaku apabila pelaksanaan strategi pengajaran yang merangsang daya fikir pelajar. Justeru, pengkaji mengfokuskan kelompok guru sebagai topik perbincangan kerana peranannya yang dilihat sebagai pendokong utama ketika berlakunya gelombang kedua transformasi pendidikan ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang kreatif, inovatif dan kompeten (Tengku Sarina & Fatimah, 2018).

Selain itu, pengkaji melihat kepentingan kesediaan guru dalam melaksanakan sesuatu dasar kurikulum kerana terdapat kajian lepas yang melaporkan guru-guru yang bersedia melaksanakan kurikulum baharu dilihat dapat menyampaikan pengajaran lebih baik berbanding dengan guru-guru yang tidak bersedia menerima perubahan (Loughran, 2014).

Berdasarkan laporan daripada kajian-kajian lepas, pengkaji memfokuskan kajian terhadap kefahaman dan kesediaan guru Maharat al-Quran mengaplikasikan PAK-21 dalam pengajaran masing-masing.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji menetapkan dua objektif utama yang perlu dihuraikan secara teliti untuk memperlihatkan proses pelaksanaan pengajaran Maharat al-Quran di sekolah.

- i. Meneroka kefahaman dan kesediaan guru terhadap strategi pengajaran berunsurkan Pembelajaran Abad ke- 21 dalam pengajaran Maharat al-Quran

- ii. Menilai Alat Bantu Mengajar (ABM) yang digunakan oleh guru TMUA dalam pengajaran Maharat al-Quran.

4. TINJAUN LITERATUR

4.1 Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)

Laporan daripada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) mencadangkan supaya pemantauan terhadap pelaksanaan TMUA didokumenkan agar tindakan susulan mudah diambil oleh semua pihak. Atas keperluan ini jugalah, pengkaji melihat kepada satu keperluan untuk melihat sejauh manakah tahap kesediaan dan kefahaman guru TMUA terhadap PAK-21 terutamanya dalam subjek Maharat al-Quran. Apa yang lebih penting, bagaimanakah pengaplikasian guru TMUA menggunakan PAK-21 dalam subjek ini. Wan Ali Akbar et al. (2020) menyatakan tiada panduan khusus bagi subjek yang mempunyai disiplin ilmu yang sama seperti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Malah, panduan Dokumen Standard Kurikulum (DSK), sama ada mata pelajaran Hifz al-Quran mahu pun Maharat al- Quran lebih bersifat umum dan harus diterokai sendiri oleh para guru TMUA.

4.2 Kesediaan Guru

Selain itu, pengkaji melihat kepentingan kesediaan guru dalam melaksanakan sesuatu dasar kurikulum kerana terdapat kajian lepas yang melaporkan guru-guru yang bersedia melaksanakan kurikulum baharu dilihat dapat menyampaikan pengajaran lebih baik berbanding dengan guru-guru yang tidak bersedia menerima perubahan (Loughran, 2014).

Berdasarkan laporan daripada kajian-kajian lepas, pengkaji mengfokuskan kajian terhadap kefahaman dan kesediaan guru Maharat al-Quran mengaplikasikan PAK-21 dalam pengajaran masing-masing.

4.3 Alat Bantu Mengajar (ABM)

Kajian lepas yang melibatkan Alat Bantuan Mengajar (ABM) ketika mengajar al-Quran juga menunjukkan tentang penggunaan alat bantu yang sesuai mampu menghasilkan pembelajaran al-Quran yang lebih efektif dan mampu meningkatkan penguasaan pelajar terhadap al-Quran (Mohamad Marzuqi et al., 2016, Muhd Zulhilmi et al., 2020). Dapatan kajian menunjukkan guru mempunyai reaksi positif terhadap kepentingan penggunaan ABM ini, namun tahap penggunaannya masih di tahap sederhana. Kajian lepas juga menunjukkan terdapat hubungan di antara corak pengajaran guru dan pembentukan pemikiran kritis pelajar (Rosnani, Suhailah & Juhasni, 2014). Dapatan kajian juga diperkukuhkan dengan pernyataan Wan Ali Akbar et al. (2020) yang bersetuju dengan terhasilnya suasana pembelajaran aktif di dalam kelas berlaku apabila pelaksanaan strategi pengajaran yang merangsang daya fikir pelajar. Justeru, pengkaji mengfokuskan kelompok guru sebagai topik perbincangan kerana peranannya yang dilihat sebagai pendokong utama ketika berlakunya gelombang kedua transformasi pendidikan ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang kreatif, inovatif dan kompeten (Tengku Sarina & Fatimah, 2018).

4.4 Strategi Gallery Walk

Gallery Walk adalah strategi pembelajaran melalui kaedah perbincangan yang memberi ruang kepada murid untuk lebih memahami tentang sesuatu perkara atau topik pembelajaran Menurut Tewsbury dan Heather (2014) Gallery Walk adalah strategi pembelajaran koperatif. Yusnidar (2014) menyatakan Gallery Walk dengan istilah keliling kelompok yang bertujuan agar ahli kumpulan masing-masing mendapat kesempatan untuk memberikan kerjasama dan mendengar pandangan serta pemikiran ahli kumpulan yang lain pandangan serta pemikiran ahli kumpulan

yang lain. Seterusnya, Chew Fong Peng & Maisarah Mohamed Sulong (2019) menyatakan kaedah Gallery Walk perlu dijadikan strategi pilihan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah abad ke-21 bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dan terbilang

5. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan empat orang guru TMUA dari empat buah sekolah TMUA dari zon Utara, Barat, Timur dan Selatan Semenanjung Malaysia. Kajian berbentuk penerokaan ini menemu bual secara mendalam kesemua peserta kajian. Melalui penyelidikan bersifat kualitatif ini, pengkaji dapat meneroka, menghuraikan dan memahami kesediaan guru dari akar umbinya. Temu bual secara mendalam separa struktur dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang kukuh tentang status kefahaman dan kesediaan guru dalam melaksanakan PdPc Maharat al-Quran. Pengkaji juga meneroka penggunaan Alat Bantu Mengajar semasa pelaksanaan PAK-21 ketika pengajaran Maharat al-Quran. Peserta kajian dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria yang digariskan oleh pengkaji dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) supaya data yang diberikan mampu menjawab persoalan kajian dengan baik. Kriteria pemilihan peserta kajian bagi kajian ini ialah peserta kajian merupakan guru yang mengajar mata pelajaran Maharat al-Quran dengan pengalaman melebihi empat tahun dan bersedia berkongsi pengalaman mereka bersama pengkaji.

6. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian membincangkan kesediaan guru daripada aspek kandungan kurikulum, aspek pedagogi dan aspek pengajaran yang melibatkan penggunaan kemudahan dan alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru TMUA ketika PdPc mata pelajaran Maharat al-Quran. Berikut adalah huraian lanjut mengenai tema yang dibincangkan.

6.1 Kesediaan dan kefahaman guru melaksanakan PAK-21 ketika PdPc

Kesediaan dan kefahaman ini melibatkan proses pelaksanaan pengajaran guru Maharat al-Quran yang melibatkan elemen PAK-21. Kajian mendapati, kaedah Gallery Walk merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh kebanyakan guru yang ditemu bual. Berikut adalah sebahagian temu bual yang menyokong data kajian.

“Paling saya suka buat, Galery Walk. Sebab apa? Sebab dekat situ, kita dapat banyak elemen. Pertama, kerjasama di antara pelajar. Kedua, dari segi pembentangan, dia boleh latih pelajar untuk bercakap”. (GL01)

“Haa...lebih kurang macam Gallery Walk, Role Play, lagi macam kotak beracun. Pelajar ini minat kepada permainan. Saya buat mengikut tajuklah, apa yang sesuai dengan tajuk yang diajar pada hari itu”. (GL02)

“Biasanya saya gunakan pembelajaran kolaboratif. Aktiviti yang selalu buat ialah Gallery Walk. Kadang-kadang One Stay Two Stray (yang maksudnya satu tinggal, yang lain bergerak). Lagi, kadang-kadang buat Hot Seat. Tapi biasanya memang Gallery Walk. Dari situ, pelajar akan berbincang dan dari situ jugak akan ada komunikasi dua hala”. (GL03)

Namun begitu, masih terdapat guru yang dilihat tidak bersedia atau masih samar-samar dengan PAK-21 ini. Ini dapat dibuktikan melalui temu bual bersama salah seorang peserta kajian. Antara yang diperkatakan;

“Saya tidak tahulah, abad ke 21 atau tidak. Saya tidak ingat nama-nama aktiviti PAK-21 secara spesifik. Tetapi saya buatlah. Contohnya, perbincangan, penyoalan dan aktiviti-aktiviti permainan. Tetapi saya tidak ingatlah nama-nama tepat PAK-21 ini”. (GL04)

Konklusinya, pengkaji mendapati kebanyakan guru-guru Maharat al-Quran dilihat bersedia dari aspek PdPc Maharat al-Quran. Mereka berusaha meningkatkan kemahiran PAK-21 dengan pelbagai usaha yang dilakukan. Antara usaha yang dilakukan oleh guru Maharat al-Quran dapat ditunjukkan melalui petikan temu bual bersama mereka.

“Untuk PAK-21 ini, kita buat PLC lah (Profesional Learning Community) iaitu kumpulan-kumpulan kecil yang kita buat untuk bimbingan Qiraat terutamanya dalam menyatukan cara bacaan, sebutan dan sebagainya. Itu kadang-kadang sebutan taqlil berbeza-beza di kalangan guru, jadi kita buat PLC dalam kumpulan-kumpulan kecil”. (GL01)

“Saya memang minat. Yalah, nak buat macam manakan. Dah memang dari dulu minat. Selalunya, saya akan pergi sendiri tanya kepada guru-guru yang mahir dalam bidang ini untuk saya ajarkan di dalam kelas. Malah, guru-guru ni bagus. Keinginan untuk menuntut ilmu itu tinggi. Contohnya, minggu depan dah nak masuk tajuk sekian-sekian, guru-guru Maharat ini akan bertalaqqi bersama-sama”. (GL02)

Kesimpulannya, kesemua peserta kajian bersetuju kemahiran PAK-21 harus diteroka dengan lebih mendalam supaya strategi dan kaedah PdPc PAK-21 dalam mata pelajaran Maharat al-Quran ini dapat dimaksimumkan sebaik mungkin. Malah bimbingan profesionalisme atau pun kursus-kursus luar yang melibatkan PAK-21 amat perlu didedahkan kepada para guru bagi membuat penambahbaikan dalam PdPc. Dapatan ini selari dengan kajian Azalida & Norazilawati (2018), yang bersetuju supaya guru-guru sentiasa mempunyai inisiatif yang tinggi untuk menambahkan ilmu pengetahuan berkenaan pelaksanaan PdPc PAK-21 supaya strategi pengajaran dapat dilaksanakan seoptimum mungkin.

Selain itu, ketirisan maklumat tentang PAK-21 juga dilihat menjadi faktor kepada kurangnya kefahaman dan pendedahan yang mendalam terhadap isu ini. Oleh itu, pihak penggubal dasar mahupun pelaksana PAK-21 wajar memberikan bimbingan terus kepada guru-guru ini supaya PAK- 21 dapat dijalankan dengan baik.

6.2 Alat Bantu Mengajar yang digunakan Ketika PdPc

Kebanyakan guru bersetuju dan menunjukkan kesediaan yang baik dalam menggunakan alat bantu mengajar ketika PdPc. Semua guru mempunyai telefon mudah alih dan komputer riba. Berikut adalah sebahagian petikan temu bual yang menonjolkan aspek ini. Dapatan kajian menunjukkan, beberapa aplikasi atau perisian yang menjadi pilihan guru ketika PdPc Maharat al-Quran seperti Quizzes, power point dan video interaktif. Hal ini dapat dilihat hasil temu bual bersama guru berkaitan ABM yang digunakan semasa pengajaran.

“Guru-guru banyak yang buat video. Disebabkan video itu juga, dia boleh jadi macam flip classroom. Ini disebabkan kita bagi link pada pelajar. Pelajar pun boleh ulang-ulang tengok. Malah ada guru yang rakam pengajaran, dan upload di You tube. Pelajar boleh mengulang-ulang tengok pengajaran video dan akan membuat perbincangan berdasarkan video tersebut”. (GL01)

“Dari segi alat bantu mengajar, alhamdulillah. Semuanya ok. Ada kelas yang selesa, ada projector, LCD. Malah ada guru yang mempunyai projector sendiri. Kita buka You tube dan kita perengarkan syeikh-syeikh Qiraat daripada negara Arab”. (GL02)

“Kadang-kadang, kita guna handset jugak sebab nak scan QR Code. Tapi bukan setiap waktu, ikut keperluan pada waktu tu. Sebab hendak perdengarkan bacaan kepada pelajar. Kemudian, guna speaker dan satu lagi, board putih. Board mini ni, saya bahagi ikut kumpulan. Mereka jawab soalan menggunakan board mini yang disediakan”. (GL03)

“Pelajar-pelajar ni lebih sukakan kepada benda yang wujud. Maknanya, murid lebih faham sekiranya kita datangkan bahan bantu mengajar yang wujud tu. Contohnya, untuk makhraj huruf tu, kita menggunakan rangka mulut manusia terus supaya kita dapat tunjuk betul-betul di mana tempat keluar huruf”. (GL04)

Secara kesimpulannya, kesediaan guru Maharat al-Quran dalam menggunakan ABM ketika PdPc PAK-21 dapat dibuktikan dengan baik. Guru-guru ini dilihat sangat bersedia dan mempunyai minat yang mendalam dalam merancang strategi PdPc masing-masing. Guru-guru dilihat mempunyai inisiatif yang tinggi dalam berusaha menghasilkan sebuah kelas yang kreatif. Kepelbagaian ABM ketika PdPc Maharat al-Quran juga memperlihatkan kesungguhan guru TMUA mewujudkan sebuah kelas yang kompeten seiring dengan PAK-21.

7. PERBINCANGAN

Kajian ini membincangkan sejauh mana kefahaman dan kesediaan guru Maharat al-Quran melaksanakan PAK-21 ketika sesi pengajaran. Selain itu, pengkaji juga membincangkan penggunaan alat bantu mengajar ketika PdPc Maharat al-Quran. Alat bantu mengajar sama ada yang disediakan oleh pihak sekolah mahu pun guru itu sendiri, seperti kelas khas, LCD, projector, komputer riba, chrome, audio pembesar suara memenuhi keperluan guru dan pelajar. Malah, kecekapan guru mengendalikan proses PdPc menggunakan ICT juga ditonjolkan dengan baik sekali. Guru-guru memilih untuk menggunakan teknologi ketika mana mereka merasa sesuai penggunaannya untuk topik-topik Maharat al-Quran yang dikenal pasti. Malah, pengawalan kelas guru bertambah baik apabila berjaya memilih teknologi yang sesuai dengan matlamat PdPc mereka (McCulloch, Hollebrands, Lee, & Harrison, 2018). Hasil kajian juga membuktikan tahap kesediaan guru TMUA menggunakan elemen PAK-21 ketika pelaksanaan PdPc Maharat al-Quran di tahap yang baik. Kesediaan mereka dapat dilihat melalui penguasaan mereka terhadap elemen PAK-21. Kesemua responden mengetahui istilah-istilah yang diperkenalkan dalam elemen ini malah dapat mendemonstrasinya dengan baik semasa PdPc mata pelajaran ini. Ini bertepatan dengan kajian Rosanani et al. (2014) yang menunjukkan guru mempunyai reaksi positif terhadap penggunaan ABM. Sumbangan daripada kajian ini diharap dapat membuka minda para penggubal dasar untuk melakukan beberapa penambahbaikan yang melibatkan kesediaan dan kefahaman guru Maharat al-Quran terhadap PAK-21. Ini bukan sahaja bertujuan untuk membantu guru malah untuk memastikan hasrat yang diukir dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dapat dicapai.

8. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini memfokuskan kepada alat bantu mengajar mata pelajaran Maharat al-Quran. Amalan pengajaran guru mata pelajaran ini juga dibincangkan. Dapatan kajian mendapati sokongan alat bantu mengajar yang pelbagai mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam menguasai mata pelajaran ini. Selain itu, pengkaji percaya kejayaan kurikulum Maharat al-Quran memerlukan satu gerak kerja yang tersusun dan digerakkan secara sistematik bagi melahirkan produk berkualiti yang diharapkan. Oleh sebab itu, proses penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan kurikulum Maharat al-Quran yang dijalankan menepati matlamat dan objektif yang dirancang. Penggembelengan tenaga dari semua pihak termasuklah penggubal dasar, pelaksana kurikulum, penerima kurikulum serta kumpulan

sokongan menjadi titik tolak kejayaan 'survival' kurikulum mata pelajaran Maharat al-Quran ini pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Azhar Ahmad, Hairul Hisham Adam. (23-25 Oktober 2018). Dasar Pendidikan Tahfiz Negara: Pelaksanaan di Kementerian Pendidikan Malaysia. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara Siri ke-8. Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi
- Azalida Tajudin & Norazilawati Abdullah. (2018). Kesiediaan Guru Sains Sekolah Rendah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 8(1).
- Chew Fong Peng & Maisarah Mohamed Sulong. (2019). Kesan Strategi Gallery Walk terhadap Pencapaian Murid-murid dalam Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 2(5), 43-62.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis.(2017). Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab.
- Loughran, J. (2014). Professionally Developing as a Teacher Educator. *Journal of Teacher Education*.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat, Ahmad Yussuf dan Abd Hadi Borham. (2016). *Tahap Penggunaan Alat Bantu Hafazan (ABH) dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Qur'an di Malaysia*. Dlm Mohd Yaakub Zulkifli Mohd Yusuf & Nordin Ahmad 9 (pynt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. hlm. 87-96. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Mardhiah Yahya. (2018). Ke Arah Transformasi Pendidikan (Program Uul Albab): Kajian Kes MRSM Ulul Albab. *4th International Conference on Islamiyyat Studies*, 18-19 September 2018
- Marzuqi Abdul Rahim, Ahmad Yussuf, Abd. Hadi Borham, Muhammad Akramin Kamarul Zaman.(2016). Amalan Pengajaran Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic Educational Research (JIER), Special Issue (1)*,11-20
- Mcculloch, A. W., Hollebrands, K., Lee, H., & Harrison, T. (2018). Computers & Education Factors that influence Secondary Mathematics Teachers' Integration of Technology Mathematic Lessons. *Computers & Education*, 26-40. Retrieved from <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2018.04.008>
- Mohd Faizulamri bin Mohd Saad, Sabri Mohamad, Latifah Abdul Majid, Nik Md Saiful Azizi b. Nik Abdullah, Rabi'atul Athirah Muhamad Isa. (2021). Keperluan Penilaian Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat al- Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab. *Jurnal al-Turath*, Vol 6, No 1, p18-24
- Muhd. Zulhilmi Haron, Mohd. Khairi Othman, Mohd Isha Awang. (2018). Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Universiti Malaysia Kelantan, 6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education*. 4-5 Nov 2018, Kota Bharu, p 321-329.

- Muhd Zulhilmi Haron, Mohd Khairi Othman, Mohd Isha Awang. (2019). Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research* 1 (Julai), 289-316.
- Muhd. Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zali, Siti Noor Aneis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani, Ismail Salleh. (2020). Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Murid Tahfiz Model Ulul Albab. *Al-Hikmah* 12 (2), p. 3-18 Disember 2020.
- Rohaizan Baru, Zulkifli A. Manaf, Abdul Hakim Abdullah, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman. (2014). Showcasing an Alternative Educational Systems Using the Philosophy of Ulul Albab. *Swiss Journal of Research in Business and Social Sciences*, 1(1), p1-10
- Robiatul Adawiah Jemali, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2020). Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) dalam Pengajaran Tarannum al-Quran. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 2(7), p102-118.
- Rosnani Hashim, Suhailah Hussein & Juhasni Adila Juperi. (2014.) *The Hikmah (Wisdom) Program: A Philosophical Inquiry for The Teaching of Islamic Education in Malaysia*. Phyllis Ghim-Lian Chew. *Muslim Education in The 21st Century*. New York. Routledge.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatimah Sahida Abdurajak. (2018). Heart of Learning: Pedagogical Practices Amongst Islamic Education Novice Teachers in the 21st Century. *Journal of Usuluddin*, 46(1), 101-117
- Tewksbury, B. & Heather Macdonald. (2014). Online course design tutorial. Retrieved 2019 May from http://serc.carleton.edu/NAGT_workshops/coursedesign/tutorial/strategies.html
- Wan Ali Akbar, Nursafra Mohd Zhaffar, Norasmahani Nor, Nor Anisa Musa, Mohd Syaubari Othman. (2020.) Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 4(2). 11-20.
- YM Raja Abdullah Raja Ismail, Daud Ismail. (2018). Aplikasi Konsep '4C' Pembelajaran Abad ke-21 dalam kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, *Asian People Journal*, V1, (1)p45-65
- Yusnidar. (2014). Penerapan Metode Gallery Walk Untuk Meningkatkan Kemampuan Menulis Teks Analytical Exposition Bahasa Inggris Siswa Kelas XI IPA-1 MAN Model Banda Aceh". *Journal GEEJ (Getsempena English Education Jurnal)*, 1(1). 55-63.

Rabi'atul Athirah binti Muhamad Isa (Coessponding Author)

Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, 43600, Bangi, Selangor.
Email: p97163@siswa.ukm.edu.my

Mohd Faizulamri bin Mohd Saad
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, 43600, Bangi, Selangor.
Email: faizam7879@yahoo.com

Sabri Mohamad
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, 43600, Bangi, Selangor.
Email: sabri_m@ukm.edu.my

Latifah Abdul Majid
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, 43600, Bangi, Selangor.
Email: umilm@ukm.edu.my

Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah
Kulliyah of Education,
Universiti Islam Antrabangsa Malaysia,
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur.
Email: nikazizi@iium.edu.my